



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA NOVEMBER 2024

Lebih dagangan meningkat 26.3 peratus kepada RM15.3 bilion, lebih bulan ke-55 berturut-turut sejak Mei 2020

PUTRAJAYA, 18 DISEMBER 2024 – Prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang berterusan pada November 2024, dengan peningkatan dalam eksport dan import yang menunjukkan asas ekonomi yang semakin kukuh. Jumlah dagangan mencatatkan peningkatan 2.9 peratus daripada RM231.1 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM237.8 bilion. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan eksport 4.1 peratus atau RM5.0 bilion dan import 1.6 peratus, mencapai RM111.3 bilion. Selain itu, imbalan dagangan meningkat 26.3 peratus kepada RM15.3 bilion pada November 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, NOVEMBER 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan prestasi eksport Malaysia meningkat selaras dengan kenaikan eksport domestik pada November 2024. Eksport domestik (83.3% daripada jumlah eksport) meningkat 10.3 peratus berbanding November 2023, dengan nilai RM105.4 bilion, manakala eksport semula (16.7% daripada jumlah eksport) jatuh 18.7 peratus

kepada RM21.2 bilion. Di samping itu, import bernilai RM111.3 bilion, meningkat 1.6 peratus. Lebihan dagangan meningkat 26.3 peratus kepada RM15.3 bilion, lebihan bulan ke-55 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Oktober 2024, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 1.2 peratus, 4.3 peratus dan 2.7 peratus. Sebaliknya, imbalan dagangan mencatatkan pertumbuhan 28.8 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 123 daripada 259 kumpulan eksport dan 129 daripada 258 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menekankan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya ke Amerika Syarikat (+RM7.4 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM2.5 bilion), Kenya (+RM645.2 juta), India (+RM497.9 juta), Bangladesh (+RM382.4 juta), Mexico (+RM265.9 juta) dan New Zealand (+RM220.9 juta). Selain itu, peningkatan import pula disumbangkan terutamanya dari China (+RM2.3 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM2.1 bilion), Mexico (+RM784.5 juta), Chad (+RM659.8 juta), India (+RM460.6 juta), Switzerland (+RM410.8 juta) dan Cameroon (+RM375.3 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, kenaikan ini sejajar dengan peningkatan dalam barangan elektrik & elektronik (+RM5.6 bilion); barangan perkilangan lain (+RM2.3 bilion); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM1.2 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.2 bilion); produk getah (+RM406.3 juta); kimia & bahan kimia (+RM365.6 juta); dan barang kemas (+RM270.2 juta). Selain itu, peningkatan import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM6.6 bilion); keluaran pertanian yang lain (+RM536.1 juta); minyak sayuran lain (+RM358.1 juta);

makanan diproses (+RM286.8 juta); gas asli cecair (+RM189.6 juta); dan keluaran perkilangan lain (+RM185.1 juta).


Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Import barangan perantaraan (56.8% daripada jumlah import), bernilai RM63.3 bilion, mencatatkan peningkatan 12.7 peratus atau RM7.1 bilion berbanding November 2023. Barangan penggunaan (9.1% daripada jumlah import), meningkat 3.5 peratus atau RM343.2 juta mencapai RM10.1 bilion. Sebaliknya, barangan modal (11.9% daripada jumlah import) dengan nilai RM13.3 bilion, menurun 10.0 peratus atau RM1.5 bilion.

Jumlah dagangan, eksport dan import bagi tempoh Januari hingga November 2024 mencatatkan peningkatan. Jumlah dagangan meningkat 8.7 peratus, daripada RM2.4 trilion kepada RM2.6 trilion, sejajar dengan kenaikan eksport (+4.7%) serta import (+13.3%). Sebaliknya, lebih dagangan berkurang 42.0 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2023 mencatatkan nilai RM117.9 bilion.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Nov 2024 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Nov 2024
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024 (Jan-Nov)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2023 – Nov 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2024 (Jan-Nov)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	NOV RM JUTA	OKT RM JUTA	NOV RM JUTA		NILAI RM JUTA	%
Jumlah	121,604	128,139	126,567	100.0	4,963	4.1
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	45,476	53,035	51,026	40.3	5,550	12.2
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,132	7,384	7,355	5.8	1,223	19.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,108	5,661	6,309	5.0	1,201	23.5
Produk Getah	1,910	2,403	2,316	1.8	406.3	21.3
Kimia & Bahan Kimia	6,014	6,055	6,380	5.0	365.6	6.1

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	NOV RM JUTA	OKT RM JUTA	NOV RM JUTA		NILAI RM JUTA	%
Jumlah	109,501	116,269	111,279	100.0	1,778	1.6
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	32,793	41,233	39,348	35.4	6,555	20.0
Makanan Diproses	2,565	2,707	2,852	2.6	286.8	11.2
Gas Asli Cecair	765.6	897.0	955.1	0.9	189.6	24.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,455	10,713	8,631	7.8	175.7	2.1
Getah Asli	658.6	656.4	828.7	0.7	170.1	25.8

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

18 DISEMBER 2024